

Sheik yakin S'pura dapat lahirkan lagi dua johan dunia

BERITA HARIAN, 15 August 2002, Page 15

Article also available on Microfilm Reel NL24707

Printer-Friendly Page

Sheik yakin S'pura dapat lahirkan lagi dua johan

KEJOHANAN PENCAK SILAT ASIA-PASIF

OLEH YUSOFF A. RAHMAN

SINGAPURA akan melahirkan sekurang-kurangnya dua lagi johan pesilat dunia.

Itulah keyakinan ketua jurulatih Singapura, Sheik Alauddin Yacoob, setelah pasukan Republik menggondol lima pingat emas, empat perak dan satu gangsa dalam Kejohanan Pencak Silat Asia-Pasifik di Pusat Kecemerlang-

an Silat malam kelm

“Melihat kepada persembahan Noor Rafili dan Zulfakar, saya yakin kedua-dua pesilat bersaudara ini akan menjadi juara dunia,” kata Sheik mengenai Kejohanan Sedunia di Pulau Pinang pada Disember ini.

“Saya bukan sahaja mengharapkan Rafili dan Zul berjaya, bahkan saya juga menaruh keyakinan tentang kebolehan Imran Abdul Rahman, Yusoff Shah dan Kadir

Ibrahim, jika pesilat veteran itu kembali berlatih,” beliau menambah.

Kali terakhir Singapura melahirkan johan dunia ialah pada 1997 apabila Kadir memenangi kejuaraan itu di Kuala Lumpur.

Sejauh dalam sejarah silat negara, Singapura telah melahirkan tiga johan dunia bermula dengan Sheik, kemudian Hidayat Hosni, Kadir dan Badriah Hosni.

Mengulas lebih terperinci

mengenai persembahan Rafili dalam Kelas E, Sheik berkata:

“Saya puas hati dengan persembahannya. Beliau mengikut arahan 100 peratus. Sebagai kapten pasukan, beliau menjadi contoh kepada pesilat lain.

“Semangatnya kental dan persembahannya juga sungguh meyakinkan. Saya gembira dengan kejayaannya itu.”

Beralih kepada Zulfakar, Sheik berkata:

“Saya bersimpati kerana

beliau tidak dapat beraksi dalam final. Bahkan Menteri Pendidikan, Laksamana Pertama Teo Chee Hean, ghairah untuk melihatnya bertanding.”

Mengenai seorang lagi pemenang pingat emas, Imran, Sheik memberitahu:

“Walaupun memenangi pingat emas, Imran harus melupakan corak permainannya yang suka bergaya.

“Beliau harus ingat bahawa beliau bertarung dalam kelas tanding. Jadi, lebihlah baik jika beliau menggunakan teknik-teknik asas.

“Oleh kerana ingin bergaya, beliau dijatuhkan dalam peringkat separuh akhir.”

Bercakap mengenai pemenang pingat perak, Yusoff Shah, Sheik berkata:

“Yusoff mempunyai teknik yang baik tetapi agak ragu-ragu dalam menggunakan teknik itu dalam perlawanan. Beliau juga harus meningkatkan kekuatan mentalnya.”

“Melihat kepada persembahan Noor Rafill dan Zulfakar, saya yakin kedua-dua pesilat bersaudara ini akan menjadi juara dunia.”

— Sheik Alauddin Yacoob.